



---

No. Perjanjian : .....  
Nilai Kontrak : .....  
Jumlah Cagaran : .....

**PERJANJIAN DAN SYARAT-SYARAT KONTRAK PENYEWAAN**  
**MESIN FOTOSTAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERJANJIAN INI** diperbuat pada ..... antara **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**, sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) yang beralamat di Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan (selepas daripada ini disebut sebagai "**UiTM**") sebagai satu pihak; **dan** .....(No. Pendaftaran .....), sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di .....  
..... (selepas daripada ini disebut sebagai "**Pemberi Sewa**") sebagai pihak yang satu lagi.

**BAHAWASANYA** Pemberi Sewa adalah tuan punya peralatan dan perisian mesin fotostat yang akan dibekalkan kepada UiTM (yang selepas ini disebut sebagai "**mesin fotostat**") seperti spesifikasi peralatan dan perisian mesin fotostat yang ditawarkan di dalam Dokumen Tawaran Teknikal.

**DAN BAHAWASANYA** Pemberi Sewa bersetuju untuk memberi sewa dan UiTM bersetuju untuk menyewa mesin fotostat untuk jangkamasa selama **36 BULAN** bermula pada 1 haribulan bulan yang berikutnya dari tarikh pengesahan penerimaan mesin fotostat kepada UiTM dan dalam Tempoh Perjanjian selama **36 BULAN** seperti yang dinyatakan dalam Klausus-kecil 1.1 Perjanjian ini, dengan kadar sewa dan caj salinan seperti di **LAMPIRAN A** bagi setiap set mesin fotostat tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana dipersetujui seperti berikut:



**MAKA DENGAN INI DIPERSETUJUI** syarat-syarat kontrak seperti berikut:

**1. TEMPOH PERJANJIAN, SEMAKAN DAN PERLANJUTAN**

- 1.1 Perjanjian ini adalah berkuatkuasa selama **36 BULAN** mulai dari tarikh .....(kemudian daripada ini disebut sebagai "Tempoh Perjanjian").
- 1.2 Mana-mana pihak kepada Perjanjian ini boleh membuat permohonan kepada pihak yang lagi satu untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian. UiTM hanya akan membayar caj salinan tanpa rebat di sepanjang tempoh lanjutan perjanjian.

**2. TEMPOH SEWAAN**

- 2.1 UiTM bersetuju untuk menyewa mesin fotostat bagi tempoh **36 BULAN** bermula pada 1 haribulan bulan yang berikutnya dari tarikh pengesahan penerimaan mesin fotostat kepada UiTM (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tempoh Sewaan") dalam Tempoh Perjanjian ini berkuatkuasa.
- 2.2 Pemberi Sewa dikehendaki memberi notis sekurang-kurangnya TIGA (3) bulan sebelum tempoh sewaan tamat. Sekiranya tiada notis yang dikemukakan oleh Pemberi Sewa sehingga tempoh sewaan tamat, UiTM berhak menggunakan mesin fotostat tanpa membayar sebarang kos sewaan untuk tempoh TIGA (3) bulan setelah tempoh sewaan tamat.
- 2.3 Mana-mana pihak kepada Perjanjian ini boleh membuat permohonan kepada pihak yang lagi satu untuk melanjutkan Tempoh Sewaan. UiTM hanya akan membayar caj salinan tanpa rebat di sepanjang tempoh lanjutan sewaan.
- 2.4 Tempoh sewaan bagi setiap pesanan mesin fotostat akan bermula pada 1 haribulan bulan yang berikutnya dari tarikh pengesahan penerimaan mesin fotostat.



- 
- 2.5 Tiada pesanan jabatan untuk sewaan baru boleh dikeluarkan oleh UiTM selepas ..... dan jika ada pesanan jabatan dikeluarkan selepas tarikh tersebut, Pemberi Sewa tidak boleh membuat sebarang pembekalan baru yang akan mengakibatkan perlanjutan tempoh Perjanjian kecuali jika mendapat kelulusan Lembaga Perolehan UiTM seperti di klausula 1.2 dan 2.3 Perjanjian ini.

### **3. REPRESENTASI DAN WARANTI**

- 3.1 Pemberi Sewa dengan ini mengaku janji bahawa segala keterangan-keterangan berikut adalah benar:
- 3.1.1 Pemberi Sewa adalah syarikat yang sah yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai kuasa dan layak untuk menjalankan kontrak tersebut dan telah menyempurnakan segala kehendak undang-undang untuk menjalankan kontrak tersebut.
- 3.1.2 Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh Pemberi Sewa untuk melayakkan menandatangani Perjanjian ini.
- 3.1.3 Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan Pemberi Sewa.
- 3.1.4 Segala kebenaran, lesen dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perniagaan Pemberi Sewa telah diperolehi dan disempurnakan dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran atau lesen Pemberi Sewa ditarik balik.
- 3.1.5 Segala butir-butir dan keterangan termasuk keadaan kewangan Pemberi Sewa adalah benar belaka.



---

3.1.6 Bahwasanya representasi dan waranti yang telah diberikan akan berkuatkuasa dalam tempoh berkuatkuasanya Perjanjian ini.

#### **4. PERUBAHAN SYARAT DAN SEMAKAN KADAR HARGA**

UiTM boleh jika perlu mengkaji dan dengan persetujuan Pemberi Sewa mengubah dari masa ke semasa Syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini, Lampiran-lampiran dan Jadual-jadual di dalam Dokumen Tender. Mulai dari tarikh yang dipersetujui, perkhidmatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan tersebut.

#### **5. INSURANS**

- 5.1 Pemberi Sewa akan semasa menandatangani Perjanjian ini atau dengan seberapa segera mengambil suatu Polisi Insurans Tanggungan Awam yang merangkumi insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta dari syarikat insurans yang dipersetujui oleh UiTM. Pemberi Sewa tidak akan atau membenarkan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan polisi yang telah diambil itu dibatalkan atau tidak sah.
- 5.2 Pemberi Sewa juga diminta segera mengambil suatu Polisi Insurans bagi kehilangan / bencana / kemalangan ke atas semua mesin fotostat yang disewakan bermula dari tempoh penghantaran sehingga tamat tempoh sewaan mesin fotostat.

#### **6. IKLAN**

Iklan-iklan mengenai Perjanjian ini tidak boleh disiarkan di dalam akhbar, majalah atau lain-lain bentuk media massa tanpa kelulusan bertulis dari UiTM.



## 7. **NILAI SEWAAN**

- 7.1 Nilai Sewaan Mesin fotostat selama TIGA (3) TAHUN dalam Tempoh Perjanjian TIGA (3) TAHUN dari tarikh pengesahan penerimaan Mesin fotostat kepada UiTM adalah berjumlah ..... (Ringgit Malaysia: ..... **Sahaja**) mengikut kadar sewa seperti di **LAMPIRAN A**.
- 7.2 Nilai sewaan setiap mesin fotostat yang dibekalkan di bawah kontrak ini adalah harga bersih termasuk:
- 7.2.1 Kos sewaan mesin fotostat yang dibekalkan pada sepanjang tempoh sewaan.
  - 7.2.2 Kos penghantaran mesin fotostat ke semua lokasi pembekalan yang diarahkan oleh UiTM.
  - 7.2.3 Kos pemasangan, pengujilan dan petaulahan bagi mesin fotostat yang dibekalkan di lokasi pembekalan.
  - 7.2.4 Kos penyelenggaraan pembaikan (*corrective & preventive maintenance*) apabila berlaku sebarang kerosakan pada mesin fotostat yang dibekalkan pada sepanjang tempoh sewaan.
  - 7.2.5 Kos penggantian mesin fotostat.
  - 7.2.6 Kos pemindahan atau penempatan semula mesin. (atas permintaan UiTM)
  - 7.2.7 Kos pengambilan mesin fotostat dari semua lokasi pembekalan setelah tamat tempoh kontrak.
  - 7.2.8 Kos insurans mesin fotostat yang dibekalkan sepanjang tempoh sewaan.
- 7.3 Bayaran sewaan untuk SATU (1) BULAN YANG TERAKHIR bagi Tempoh Sewaan atau SATU (1) BULAN YANG TERAKHIR bagi tempoh lanjutan sewaan akan ditahan sehingga Pemberi Sewa disahkan telah menyempurnakan kerja-kerja membawa keluar mesin fotostat sewaannya dari premis UiTM apabila tempoh sewaannya telah tamat.



- 
- 7.4 Kuantiti mesin fotostat yang dinyatakan dalam RINGKASAN HARGA adalah merupakan anggaran. Sewaan akan dibayar berdasarkan kuantiti sebenar yang dibekalkan.

**8. BAYARAN SEWAAN**

- 8.1 Bayaran Sewaan yang ditetapkan di atas hendaklah dijelaskan oleh UiTM dalam tempoh TIGA PULUH (30) hari dari tarikh terima inbois daripada Pemberi Sewa.
- 8.2 Tertakluk kepada syarat di Klaus-kecil 2.4 Perjanjian ini, Bayaran Sewaan yang pertama akan hanya dijelaskan oleh UiTM setelah Pemberi Sewa mendepositkan Bon Pelaksanaan dengan teratur dan menurut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini. Ini termasuk setelah pengesahan dan penerimaan oleh UiTM bahawa Pemberi Sewa telah menyempurnakan pembekalan, penghantaran susunatur dan pengujilarian mesin fotostat - mesin fotostat sewaan serta telah menyempurnakan segala kerja-kerja / perkhidmatan yang berkaitan dengan maksud Perjanjian ini.

**9. BON PELAKSANAAN**

- 9.1 Pemberi Sewa dengan ini bersetuju untuk membekalkan UiTM suatu Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank yang tidak boleh batal dan dari bank berlesen yang beroperasi di Malaysia dan dipersetujui oleh UiTM. Bon Pelaksanaan ini hendaklah bernilai 2.5% bagi jumlah harga kontrak sewaan mesin fotostat kurang daripada RM500,000.00 atau 5% bagi jumlah harga kontrak sewaan mesin fotostat lebih daripada RM500,000.00 dalam tempoh SATU (1) tahun kontrak.
- 9.2 Bon ini adalah sebagai jaminan kepada UiTM bahawa selepas pembayaran sewaan dijelaskan, UiTM berhak menggunakan mesin fotostat tersebut dengan aman tanpa sebarang gangguan atau sebarang tuntutan mahkamah



daripada Pemberi Sewa atau mana-mana pihak lain yang mempunyai kepentingan ke atas mesin fotostat tersebut.

- 9.3 Sekiranya berlaku apa-apa gangguan atau sebarang tuntutan diambil ke atas UiTM oleh Pemberi Sewa atau mana-mana pihak lain yang mempunyai kepentingan ke atas mesin fotostat tersebut / menuntut hakmilik ke atas mesin fotostat tersebut dalam tempoh Perjanjian selepas pembayaran sewaan dijelaskan, UiTM berhak merampas bon tersebut dan menamatkan kontrak dengan Pemberi Sewa.
- 9.4 Bon Pelaksanaan ini hendaklah berkuatkuasa bagi Tempoh Perjanjian termasuk perlanjutan Tempoh Perjanjian dan hendaklah terus kekal berkuatkuasa sehingga DUA BELAS (12) BULAN selepas tarikh tamat Tempoh Perjanjian atau perlanjutan Tempoh Perjanjian, mana yang berkenaan.
- 9.5 Bon Pelaksanaan tidak akan dikembalikan sekiranya Pemberi Sewa gagal melaksanakan apa-apa tanggungjawabnya sepanjang Tempoh Perjanjian di bawah kontrak ini termasuk perlanjutan Tempoh Perjanjian.

**10. DENGAN INI PEMBERI SEWA BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI BERIKUT:**

- 10.1 Bersetuju dan sanggup menyediakan dengan lengkap dan sepenuhnya mesin fotostat kepada pihak UiTM selewat-lewatnya ..... dari tarikh Pesanan Jabatan.
- 10.2 Tidak akan menaikkan kadar Sewaan mesin fotostat dalam tempoh perjanjian TIGA (3) TAHUN yang telah ditetapkan.
- 10.3 Akan membekalkan kesemua peralatan mesin fotostat mengikut spesifikasi model yang telah dipersetujui antara kedua belah pihak.
- 10.4 Akan mempastikan kesemua mesin fotostat dibekalkan dengan cukup mengikut arahan UiTM.



- 
- 10.5 Akan sentiasa mengawasi dan membaiki segala kerosakan terhadap mesin fotostat.
  - 10.6 Akan menanggung segala kos pembaikan dan penggantian mesin fotostat yang rosak dan kehilangan bukan disebabkan oleh pihak UiTM.
  - 10.7 Pemberi Sewa bersetuju bahawa mesin fotostat tersebut yang rosak dan telah diganti hendaklah dikeluarkan dari kampus UiTM pada hari yang sama penggantian mesin fotostat yang rosak tersebut dibuat. Sekiranya Pemberi Sewa gagal berbuat demikian dalam tempoh masa TUJUH (7) hari selepas notis diberikan kepada Pemberi Sewa, UiTM berhak membuat pelupusan ke atas mesin fotostat rosak itu dan segala kos yang terlibat akan ditanggung oleh Pemberi Sewa.
  - 10.8 Akan menanggung segala kos pembaikan dan penggantian kepada UiTM bagi peralatan mesin fotostat yang tidak mengikut spesifikasi atau yang gagal berfungsi mengikut piawaian dan/atau secara munasabah. Namun isu gantirugi sama ada spesifik dan am akan ditaksirkan dan diselesaikan mengikut Klausus 25 di dalam Perjanjian ini atau persetujuan bersama kedua-dua pihak.
  - 10.9 Selepas tamat Tempoh Sewaan TIGA (3) TAHUN, jika tiada lanjutan ke atas Tempoh Sewaan, kesemua mesin fotostat, peralatan, dan harta benda Pemberi Sewa hendaklah dikeluarkan dari Kampus UiTM dengan serta merta dalam masa yang ditetapkan oleh UiTM.
  - 10.10 Sepanjang masa, mesin fotostat yang rosak yang tidak dapat digunakan, ianya hendaklah digantikan dengan mesin fotostat yang setara untuk kegunaan UiTM dalam masa SATU (1) hari dari tarikh arahan/notis bertulis yang dihantar oleh UiTM secara serah-hantaran yang direkodkan.
  - 10.11 Pemberi Sewa dan semua pekerja-pekerjanya adalah tertakluk kepada semua peraturan semasa atau peraturan yang diperbaharui dari masa ke semasa oleh



---

UiTM dalam Kampus UiTM dan juga tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang negara atau tempatan.

- 10.12 Pemberi Sewa hendaklah menempatkan sekurang-kurangnya seorang kakitangan/wakil berhampiran dengan Kampus UiTM untuk perhubungan dengan pihak UiTM dalam urusan berkaitan dengan sewa mesin fotostat.

**11. UITM DENGANINI AKAN BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI BERIKUT:**

- 11.1 Akan membayar sewa yang dipersetujui di dalam Perjanjian ini pada tarikh dan cara yang tersebut dalam Perjanjian ini.
- 11.2 Akan membenarkan pekerja-pekerja Pemberi Sewa memasuki ke kawasan Kampus UiTM untuk menjalankan tugas mengikut Syarat-syarat Perjanjian ini.
- 11.3 Akan menanggung kos kerosakan atau kehilangan yang disebabkan oleh perbuatan yang disengajakan oleh pihak UiTM yang tidak termasuk kerosakan atau kehilangan yang berpunca dari penggunaan dan pemakaian mesin fotostat yang munasabah.
- 11.4 Akan menjaga dan memelihara mesin fotostat supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan berfungsi sepanjang Tempoh Sewaan. Walau bagaimanapun, UiTM tidak akan bertanggungjawab jika kerosakan tersebut berpunca dari bencana alam atau masalah pendawaian elektrik atau akibat keusangan atau kelusuhan biasa akibat dari penggunaan mesin fotostat.
- 11.5 UiTM hendaklah membenarkan Pemberi Sewa masuk ke kampus UiTM untuk menghantar mesin fotostat mulai tarikh-tarikh yang dinyatakan oleh UiTM. Sekiranya pada tarikh berkenaan UiTM gagal memberi kebenaran, maka lanjutan masa hendaklah diberi kepada Pemberi Sewa dengan secukupnya untuk menghantar mesin fotostat.



---

**12. PERLANGGARAN TANGGUNGJAWAB OLEH PEMBERI SEWA**

Sekiranya Pemberi Sewa gagal membekalkan semua atau sebahagian mesin fotostat sebelum tarikh yang dibenarkan dalam Perjanjian ini, UiTM berhak untuk mengeluarkan notis bertulis menamatkan Perjanjian ini dan berhak menuntut daripada Pemberi Sewa ke atas kesemua kos perbelanjaan yang ditanggung oleh UiTM untuk mengadakan mesin fotostat yang gagal disediakan oleh Pemberi Sewa dalam tempoh sewaan selepas dari tarikh sebagaimana dalam Perjanjian.

**13. PENYERAHAN**

- 13.1 Pemberi Sewa hendaklah mengemukakan dua (2) salinan surat penyerahan bersama-sama dengan tiap-tiap satu penyerahan dan satu (1) salinannya akan diperakuterima oleh UiTM dan dikembalikan kepada Pemberi Sewa apabila mesin fotostat tersebut diserahkan dan siap sedia untuk digunakan.
- 13.2 Pemberi Sewa WAJIB mengemukakan sekurang-kurangnya EMPAT BELAS (14) HARI Tempoh Penangguhan (*End Grace Period*) selepas tempoh sewaan tamat bagi membolehkan operasi berkaitan penggunaan mesin fotostat di UiTM tidak terganggu.
- 13.3 Pemberi Sewa adalah diingatkan bahawa UiTM TIDAK MEMBAYAR sebarang kos sewaan di sepanjang Tempoh Penangguhan tersebut.
- 13.4 Tempoh penyerahan ialah dalam masa ..... dari tarikh Pesanan Jabatan dikeluarkan.
- 13.5 Bagi penyerahan lewat iaitu selepas dari tarikh serahan dalam Pesanan Jabatan, UiTM berhak mengambil tindakan berikut:
  - (a) Mengenakan denda sebanyak RM10.00 satu set bagi setiap satu (1) hari yang terlewat dari tarikh serahan atau tarikh pesanan jabatan dihantar mengikut tarikh mana yang lebih lewat dalam Pesanan Jabatan



sehingga mesin fotostat tersebut diserahkan dan diujilari dan sedia untuk digunakan di bilik-bilik yang ditentukan oleh UiTM.

- (b) Sekiranya mesin fotostat tersebut masih tidak diserahkan dan siap sedia untuk digunakan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dari tarikh serahan dalam pesanan, UiTM berhak mendapatkan mesin fotostat tersebut dari punca lain dan segala kos berkaitan perolehan sedemikian hendaklah ditolak dari apa-apa bayaran sewaan kepada Pemberi Sewa. Mesin fotostat yang diperolehi dari punca lain adalah tidak melebihi spesifikasi di dalam Kontrak.
- 13.6 Bagi penyerahan lewat iaitu selepas dari tarikh serahan dalam Pesanan Jabatan yang berpunca daripada masalah pemberi sewa mendapatkan bekalan mesin fotostat dari pihak pengeluar (prinsipal), UiTM adalah berhak untuk mendapatkan mesin fotostat dari pengeluar (prinsipal) lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- 13.6.1 Pemberi sewa berkewajipan untuk melaporkan masalah yang dinyatakan di dalam sub-Klausula 13.6 di atas kepada UiTM secara bertulis dengan segera dalam masa DUA (2) hari bekerja selepas berakhirnya tempoh serahan mengikut mana-mana pesanan jabatan yang dikeluarkan.
- 13.6.2 Perubahan pembekalan mesin fotostat seperti yang dinyatakan di dalam sub-Klausula 13.6 di atas dibuat dengan arahan bertulis UiTM dan dipersetujui Pemberi Sewa.
- 13.6.3 Pembekalan bagi perubahan ini mestilah tidak melebihi 14 hari dari tarikh arahan dikeluarkan.
- 13.6.4 Spesifikasi teknikal mesin fotostat pada perubahan ini mesti setara atau lebih baik dari spesifikasi di dalam kontrak dan dipersetujui oleh UiTM.



- 
- 13.6.5 Nilai sewaan bagi setiap mesin fotostat mestilah sama seperti mana yang tercatat dalam ringkasan harga.
  - 13.6.6 Perubahan ini hanya tertakluk kepada Pesanan Jabatan yang dikeluarkan.
  - 13.6.7 Perubahan ini tidak akan menukar atau meminda mana-mana syarat atau klausa di dalam kontrak ini.
  - 13.6.8 Klausa dan syarat-syarat ini juga terpakai bagi kes di mana pihak pemberi sewa gagal mendapatkan bekalan dari pengeluar (prinsipal) untuk menggantikan mana-mana mesin fotostat yang rosak
  - 13.7 UiTM adalah berhak untuk membuat perubahan tempoh penyerahan kepada sesuatu tempoh lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
    - 13.7.1 Perubahan ini dibuat dengan persetujuan bertulis UiTM dengan Pemberi Sewa.
    - 13.7.2 Sebarang perubahan hendaklah dimaklumkan kepada Pemberi Sewa dalam masa tujuh (7) hari selepas pesanan jabatan dibuat; dan
    - 13.7.3 Perubahan tempoh serahan tersebut hendaklah dilaksanakan kepada Pemberi Sewa tanpa sebarang kos tambahan kepada UiTM.

#### **14. PENYELENGGARAAN**

- 14.1 Pemberi Sewa bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal dengan bilangan kakitangan yang mencukupi agar sentiasa boleh dihubungi dan beroperasi pada waktu pejabat UiTM pada hari Isnin hingga Jumaat bermula **dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan pada hari Sabtu dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.**



- 
- 14.2 Pemberi Sewa dikehendaki menghadirkan diri untuk membaiki apa-apa kerosakan mesin fotostat dalam tempoh dua (2) jam setelah menerima aduan dari pengguna. Sekiranya kerosakan tidak dapat diperbaiki dalam tempoh 48 jam atau tidak ekonomi untuk dibaikpulih, maka penggantian mesin baru yang sama dengan spesifikasi mesin asal hendaklah dilakukan. UiTM berhak mengenakan penalti jika kerosakan melebihi 24 jam sepatutnya di Krausa-kecil 14.4.
- 14.3 Bagi kes mesin fotostat yang hilang, Pemberi Sewa dikehendaki menggantikan dengan mesin fotostat yang setara dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari tarikh arahan/notis bertulis yang dihantar oleh UiTM secara serah-hantaran yang direkodkan. Pihak UiTM dikehendaki membuat laporan polis berkaitan kehilangan mesin fotostat tersebut dan pihak Bendahari UiTM pula perlu mengeluarkan arahan untuk mesin fotostat yang digantikan ditempatkan di tempat yang ditentukan oleh UiTM.

Spesifikasi mesin fotostat gantian yang dinyatakan di Krausa-kecil 14.2 dan 14.3 di atas hendaklah setaraf dengan spesifikasi di dalam kontrak ini.

- 14.4 Sekiranya Pemberi Sewa tidak membaiki kerosakan atau membuat penggantian selepas dari tarikh dalam Krausa-kecil 14.2 dan 14.3, UiTM berhak mengambil tindakan berikut:
- (a) Tidak membayar sewaan atau memotong satu jumlah daripada nilai sewaan bulanan (30 hari) mengikut tempoh bilangan hari (kiranya secara pro rata daripada jumlah sewaan sebulan mengikut jumlah hari tidak dibaikpulih atau diganti) sehingga baik pulih dibuat oleh kontraktor atau sesuatu peralatan mesin fotostat tersebut diganti.
- (b) Jika mesin fotostat tersebut masih tidak dibaiki selepas tempoh satu (1) hari bekerja di Semenanjung Malaysia atau tiga (3) hari bekerja di Sabah dan Sarawak dari tarikh di Krausa-kecil 14.2 dan/atau 14.3, UiTM



berhak memperolehi mesin fotostat dari punca lain dan segala kos berkaitan perolehan tersebut hendaklah ditolak dari apa-apa bayaran sewaan kepada Pemberi Sewa. Mesin fotostat yang diperolehi itu hendaklah tidak melebihi spesifikasi di dalam Kontrak.

**15. PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL**

Pemberi Sewa tidak boleh memajakkan atau membuat atau memberi sub-kontrak kecil terhadap Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari UiTM.

**16. PEMBERIAN MILIK**

Pemberi Sewa tidak boleh memberi milik kontrak atau mana-mana bahagiannya atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan apa-apa juga wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat dari atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis UiTM.

**17. FORCE MAJEURE**

Pemberi Sewa adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini jika timbul keadaan–keadaan berikut iaitu rusuhan dan kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya seumpamanya yang tidak dapat dikawal atau dijangka oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan sedemikian yang menyebabkan

mana-mana pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini adalah ditamatkan dengan persetujuan kedua pihak.



## **18. PENAMATAN PERJANJIAN**

UiTM boleh memberi notis bertulis kepada Pemberi Sewa untuk menamatkan Perjanjian ini jika:

- 18.1 Representasi dan waranti yang diberikan oleh Pemberi Sewa dalam Perjanjian ini didapati tidak benar.
- 18.2 Pemberi Sewa melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat-syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini; atau
- 18.3 Pemberi Sewa itu sebagai orang perseorangan (atau apabila Pemberi Sewa adalah suatu firma, mana-mana koperasi, mana-mana perkongsian firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau membuat suatu pindah hak atau penyerah hak bagi faedah sipiutang atau jika Pemberi Sewa adalah suatu syarikat, meluluskan sesuatu ketetapan atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang sipiutang melantik seseorang Penerima (*Receiver*) atau mengurus atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan; atau
- 18.4 Jika terdapat gangguan atau sebarang tuntutan ke atas mesin fotostat oleh pihak lain yang mempunyai kepentingan ke atas mesin fotostat / menuntut hak milik ke atas mesin fotostat sepanjang tempoh Perjanjian. Sebarang kos yang berpunca dari gangguan atau tuntutan tersebut mestilah ditanggung oleh Pemberi Sewa.



- 
- 18.5 UiTM juga boleh menamatkan Perjanjian di bawah Klausu ini di dalam keadaan-keadaan lain selain daripada yang tersebut di bawah perenggan-perenggan di atas.

**19. CARA-CARA PENAMATAN PERJANJIAN**

- 19.1 Mana-mana pihak dalam Perjanjian ini adalah berhak untuk menamatkan dengan syarat bahawa notis penamatan oleh mana-mana pihak hendaklah dibuat secara bertulis tidak kurang dari TIGA (3) bulan dari tarikh Perjanjian ini hendak ditamatkan.
- 19.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, UiTM adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat UiTM perkhidmatan yang diberikan oleh Pemberi Sewa tidak memuaskan dengan syarat bahawa notis hendaklah diberi tidak kurang dari DUA PULUH EMPAT (24) jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini.

**20. KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU**

- 20.1 Perjanjian ini tidak boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak kecuali sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian ini.
- 20.2 Selepas tamat tempoh sewaan TIGA (3) TAHUN, jika dipersetujui oleh kedua-dua pihak tempoh sewaan boleh dilanjutkan melalui perundingan dan persetujuan oleh kedua-dua pihak. Persetujuan untuk menyambung tempoh kontrak hendaklah dibuat dan diputuskan sekurang-kurangnya ENAM (6) bulan sebelum tamat tempoh sewaan TIGA (3) TAHUN.
- 20.3 Segala perbelanjaan untuk penyediaan Perjanjian ini termasuk kos guaman dan cukai setem hendaklah ditanggung oleh Pemberi Sewa.



- 
- 20.4 Masa adalah teras (essence) bagi Perjanjian ini.
  - 20.5 Semua notis, permintaan atau komunikasi yang perlu disampaikan kepada pihak yang lain di bawah Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan adalah dianggap sempurna diserahkan:
    - 20.5.1 Sekiranya ia dihantar oleh pihak itu atau peguamcaranya dengan pos berdaftar yang telah dibayar dan dialamatkan kepada alamat yang disebut sebelum ini atau sebarang pindaan yang dimaklumkan secara bertulis selepas darinya, atau
    - 20.5.2 Sekiranya ia disampaikan dengan cara serahan tangan oleh pihak itu atau peguamcaranya dan diakuiterima secara bertulis oleh pihak yang satu lagi.
  - 20.6 Perjanjian ini mengikat waris, penerima pusaka, pemegang kuasa pusaka, pengganti hak dan penerima serah hak semua pihak Perjanjian ini.
  - 20.7 Kedua-dua pihak mengaku bahawa butir-butir yang terkandung di dalam Perjanjian ini adalah syarat-syarat yang mengikat kedua-dua belah pihak.

## 21. **LIABILITI TERHAD**

- 21.1 Pihak UiTM hanya bertanggungjawab untuk membuat pembayaran bagi kuantiti mesin fotostat yang dibekalkan yang jumlahnya tidak melebihi dari **kuantiti yang dinyatakan di LAMPIRAN A** dan / atau AMAUN KONTRAK berjumlah ..... selama tempoh sewaan.
- 21.2 Jika berlaku keadaan di mana UiTM membuat pesanan penyewaan dan / atau membuat pembayaran sewaan mesin fotostat melebihi unit dan / atau amaun kontrak yang dinyatakan di dalam sub-Klausula kecil 21.1 di atas, pihak Pemberi Sewa bertanggungjawab untuk mengambil semula mesin fotostat tersebut dan / atau memulangkan semula wang sewaan yang terlebih bayar tersebut.



21.3 Walau bagaimanapun, jika terdapat apa-apa keadaan atau keperluan yang membuatkan UiTM perlu menyewa mesin fotostat melebihi kuantiti dan / atau amaun kontrak yang dinyatakan di dalam sub-Klausula kecil 21.1 di atas, UiTM dan Pemberi Sewa mestilah mencapai persetujuan secara bertulis untuk tujuan tersebut.

**22. **PEMBERIAN TIDAK JUJUR DAN PEMBAYARAN KOMISYEN / PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH****

22.1 Pihak Pemberi Sewa adalah dilarang dari membuat tawaran, memberi atau bersetuju untuk memberi mana-mana pegawai UiTM apa-apa bentuk balasan atau hadiah sebagai dorongan untuk atau kerana melakukan atau bersetuju untuk melakukan apa-apa perbuatan yang berkait rapat dengan perolehan atau perlaksanaan Perjanjian ini dan / atau mana-mana Perjanjian lain dengan UiTM.

22.2 Jika didapati berlakunya perlanggaran syarat ini oleh pihak Pemberi Sewa, ejen atau pekerja-pekerjanya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Pemberi Sewa) berhubung dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan UiTM sehingga terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**, maka pihak UiTM sentiasa mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan apa-apa gantirugi dari Pemberi Sewa yang timbul akibat penamatan Perjanjian ini.

22.3 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

22.4 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan



Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

- 22.5 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tata tertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.
- 22.6 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

**23. PENAMATAN DISEBABKAN RASUAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG.**

- 23.1 Tanpa menjelaskan apa-apa hak lain UiTM, jika [Syarikat/Firma], kakitangan, pengkhidmat atau pekerja [Syarikat/Firma] disabitkan oleh mahkamah untuk rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang berhubung perjanjian ini atau mana-mana perjanjian yang telah wujud di antara [Syarikat/Firma] dan UiTM, UiTM berhak menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis bagi tujuan tersebut kepada [Syarikat/Firma].
- 23.2 UiTM berhak mendapat apa-apa kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang telah ditanggung oleh UiTM akibat penamatan tersebut.



- 
- 23.3 Bagi mengelakkan kekeliruan, Pihak-pihak di sini telah bersetuju bahawa [Syarikat/Firma] tidak akan berhak kepada apa-apa kerugian, kerosakan, tuntutan atau apa-apa pun di atas penamatkan perjanjian ini.

**24. UNDANG-UNDANG**

Perjanjian-perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

**25. PINDAAN-PINDAAN**

Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua pihak.

**26. PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

- 26.1 Apa-apa pertikaian yang terbit di antara UiTM dengan Pemberi Sewa mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa Perjanjian, atau hak dan tanggungan pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah, diselesaikan secara baik melalui perbincangan dan perundingan oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian adalah terdiri dari tiga (3) wakil UiTM dan tiga(3) wakil Pemberi Sewa.
- 26.2 Jika Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak dapat mencapai sebarang penyelesaian yang boleh dipersetujui bersama, pertikaian tersebut akan dibawa ke Mahkamah dan diputuskan mengikut undang-undang Malaysia.



---

**27. LAMPIRAN**

SYARAT-SYARAT DAN PERJANJIAN PERLAKSANAAN PERKHIDMATAN KHAS TENDER yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini. Sekiranya terdapat percanggahan antara syarat-syarat di dalam Perjanjian ini dengan SYARAT-SYARAT DAN PERJANJIAN PERLAKSANAAN PERKHIDMATAN KHAS TENDER, maka syarat-syarat dalam Perjanjian ini hendaklah mengatasi dan terpakai.

..... Kosongkan .....



---

SEBAGAI MENYAKSIKAN PERKARA-PERKARA DI ATAS, pihak-pihak kepada Perjanjian ini bersetuju menurunkan tandatangan masing-masing pada haribulan dan tahun yang mula tersebut di atas.

Ditandatangani oleh:

.....

Nama:

Jawatan:

Alamat:

Untuk dan bagi pihak

.....

(Cop Rasmi UiTM)

Disaksikan oleh:

.....

Nama:

Jawatan:

Alamat:

Ditandatangani oleh:

.....

Nama :

Jawatan:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

Untuk dan bagi pihak

Disaksikan oleh:

.....

Nama :

Jawatan:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

.....

(Cop Rasmi Pemberi Sewa)